

21 JUL, 2023

FAMA laksana langkah intervensi jika harga bahan makanan naik

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA laksana langkah intervensi jika harga bahan makanan naik

KLANG – Langkah intervensi akan dilakukan sekiranya ada kenaikan harga bahan makanan susulan keputusan kerajaan Russia yang enggan menyambung semula perjanjian eksport bijirin.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Aminuddin Zulkipli berkata, pihaknya mengambil maklum perkara tersebut sekiranya Russia terus melakukannya sehingga satu tempoh yang tidak dapat dipastikan.

"Namun, kita hanya boleh buat langkah intervensi terhadap bahan makanan yang dimakan oleh manusia seperti ayam, daging lembu, ikan dan lain-lain.

"Kalau bahan makanan yang dimakan haiwan ternakan, itu tindakan agensi lain di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

"Jadi, orang ramai tidak perlu bimbang sangat mengenai isu ini. Kalau mereka rasa bahan makanan di pasaran tempatan mahal, mereka boleh berkunjung di pasar yang dianjurkan FAMA," katanya ketika ditemui pada majlis perasmian Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Klang, di sini semalam.

Jelas Aminuddin, pihaknya sebelum ini telah membuat intervensi ketika kenaikan harga bahan makanan seperti pengaturan Jualan Agro Madani, Jualan



FAMA akan melakukan langkah intervensi sekiranya harga bahan makanan meningkat berikutan keputusan kerajaan Russia yang enggan menyambung semula perjanjian eksport bijirin. – GAMBAR HIASAN

Khas Aidiladha Madani dan Jualan Khas Syawal Madani.

Malah katanya, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu sebelum ini juga pernah menyatakan hasrat untuk mengimport bijirin dari Russia, namun ia masih belum direalisasikan.

"Hal itu masih dalam peringkat perbincangan dan kerajaan belum putuskan lagi sama ada untuk mengimport bahan makanan itu

dari negara berkenaan," ujarnya.

Media luar negara semalam melaporkan, kerajaan Rusia menarik diri daripada perjanjian yang membentarkan Ukraine mengeksport bijirin melalui Laut Hitam ke bahagian negara yang bergelut dengan masalah kebuluruan.

Situasi itu sekali gus mencekukkan keimbangan mengenai keselamatan makanan global ketika harga bahan mentah melambung tinggi.



21 JUL, 2023

FAMA laksana langkah intervensi jika harga bahan makanan naik

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KLANG - Langkah intervensi akan dilakukan sekiranya ada kenaikan harga bahan makanan susulan keputusan kerajaan Russia yang enggan menyambung semula perjanjian eksport bijirin. Pengurus Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Aminuddin Zulkipli berkata, pihaknya mengambil maklum perkara tersebut sekiranya Russia terus melakukannya sehingga satu tempoh yang tidak dapat dipastikan."Namun, kita hanya boleh buat langkah intervensi terhadap bahan makanan yang dimakan oleh manusia seperti ayam, daging lembu, ikan dan lain-lain.